

Headline	Dadah punca kes jenayah meningkat		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	12 Jan 2014	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	37,981
Page No	D8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 239
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 717



## Dadah punca kes jenayah meningkat

HANOI, Sabtu - Vietnam melaporkan peningkatan membimbangkan dalam pengambilan dadah yang turut menyumbang kepada pertambahan suspek kes jenayah, kata Timbalan Menteri Keselamatan Awam Kanan, Lt. Gen Le Quy Vuong.

Quy berkata demikian pada tele persidangan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan HIV / AIDS, Dadah dan Pencegahan dan Kawalan Pelacuran di sini, hari ini, apabila menyaksikan perkembangan pengedaran dadah ke negara Vietnam.

Vietnam News Agency (VNA) melaporkan statistik kerajaan menunjukkan penagih dadah di negara ini meningkat dari 9,396 kes pada tahun 2012 kepada 181396 kes tahun lalu.

Pada tahun yang sama, agen-

si anti-dadah menyiasat 21188 kes berkaitan dengan dadah dan menahan 32, 332 suspek serta merampas 940kg heroin, 117kg candu juga 323,772 pil sintetik.

Jawatankuasa itu berkata dalam tempoh 11 bulan pertama tahun 2013, seramai 11, 567 orang pembawa HIV dan 5,493 pesakit AIDS. Timbalan Perdana Menteri, Nguyen Xuan Phuc yang mengetuai jawatankuasa itu menggesa pelbagai agensi berkaitan untuk meningkatkan usaha menghapuskan pengedaran dadah transnasional dan jenayah terancang.

Nguyen juga menggariskan beberapa langkah termasuk menyokong penagih di proses pemulihan, meningkatkan kerjasama antarabangsa dan mendidik awam kepada pencegahan dan kawalan dadah.-Bernama